




PANDUAN ASAS PENGURUSAN SISA TERNAKAN IBADAH KORBAN

1. Lokasi lubang tapak perlupusan sisa ternakan ibadah korban hendaklah bukan di kawasan yang berair, jauh dari kawasan penduduk sekitar dan saliran air bagi mengelak pencemaran.
2. Pihak jawatankuasa masjid/surau hendaklah menyediakan 1 beg kapur bagi setiap lubang perlupusan sisa ternakan ibadah korban.
3. Saiz lubang untuk menanam sisa bergantung kepada isipadu sisa tersebut. Sisa yang terlalu banyak boleh menyebabkan penghasilan gas berlebihan dan naik ke permukaan dan mencemar sekitaran.
4. Kedalaman dan keluasan lubang perlupusan sisa ternakan sekurang-kurangnya 5 kaki lebar dan 5 kaki dalam.
5. Bagi menjalankan kerja-kerja pelupusan semua petugas digalakkan memakai sarung tangan getah (latex glove)
6. Setelah selesai menjalankan kerja-kerja ibadah korban, semua sisa ternakan seeloknya dikumpul dan dimasukkan ke dalam lubang.
7. Kambus tanah secara membumbung lebih tinggi dari aras tanah supaya lubang tidak menjadi lekuk disebabkan enapan.
8. Tabur kapur serata di atas tanah lubang yang telah dikambus tadi bagi membunuh kuman dan mengelak dari dikorek haiwan liar.
9. Semua peralatan-peralatan yang digunakan untuk ibadah korban mesti di disinfeksi menggunakan pembasmi kuman.

RAJAH: PERLUPUSAN SISA TERNAKAN KORBAN



"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Perak
25 JUN 2021